



## Benefisiari Jamiyah terima habuan

Aug 23, 2018 | 05:30 AM

NORMAN SAWI



**KONGSI CERIA:** Pemberian habuan Jamiyah menunjukkan keprihatinan masyarakat dan kesungguhan untuk menghulur bantuan kepada keluarga memerlukan, kata Dr Faishal (bersamping). - Foto BH oleh SONG TAO

SEKITAR 100 benefisiari Jamiyah, termasuk keluarga penghuni rumah peralihan Darul Islah, menerima habuan khas sempena Hari Raya Aidiladha semalam.

Ia mengandungi sekotak daging korban, catuan makanan bagi sebulan dan baucar bernilai \$30.

Bercakap kepada Berita Harian, Setiausaha Parlimen Kanan (Pembangunan Sosial dan Keluarga merangkap Pendidikan) Profesor Madya Muhammad Faishal Ibrahim, berkata acara tersebut antara lain menunjukkan keprihatinan serta usaha bersama dalam membawa keceriaan musim perayaan sesama warga Singapura.

"Ia memberi isyarat bahawa kita berperanan menolong dan memperkukuh proses pembangunan keluarga.

"Walau seseorang itu berdepan dengan cabaran yang lain dalam kehidupannya, masyarakat tetap prihatin dan mahukan keluarga yang menghadapi cabaran itu terus membangun," ujar Dr Faishal yang menyifatkan ia sebagai "satu keistimewaan kehidupan di Singapura".

Sejumlah 120 kambing telah dikorbankan di Darul Islah yang terletak di Pasir Panjang Road semalam.

Sebahagiannya diberikan kepada benefisiari dan buat julung-julung kali juga kepada isteri dan keluarga penghuni Darul Islah.

Naib Presiden Jamiyah Dr Isa Hassan berkata pihaknya berbuat demikian bagi mengiktiraf sokongan isteri dalam mengurus keluarga semasa suami dalam tahanan.

"Penghuni yang telah berumah tangga, biasanya mempunyai jumlah anak yang ramai, atau sekurang-kurangnya melebihi satu.

"Justeru, kami ingin membuat sesuatu untuk menunjukkan penghargaan kami kepada si isteri," ujar Dr Isa.

"Sebenarnya, sebahagian usaha mempersiapkan penghuni untuk kembali kepada masyarakat adalah untuk membantunya kembali kepada keluarga.

"Melebihi sesi kaunseling, kami ingin memberitahu penghuni bahawa kami sedar cabaran yang mereka hadapi dan ini sekadar satu usaha kecil untuk menghulur bantuan," kata Dr Isa.

Darul Islah ditubuhkan pada 1996 bagi membantu penagih dadah pulih selain mempersiapkan mereka kembali ke pangkuan keluarga dan masyarakat.

Rumah peralihan itu boleh menampung 90 penghuni pada satu-satu masa.

<https://www.beritaharian.sg/setempat/benefisiari-jamiyah-terima-habuan>